

POLISI DADAH DAN ALKOHOL

Sarawak Metro Sdn Bhd (SMSB) sentiasa komited untuk mencapai persekitaran kerja yang sihat dan selamat untuk pekerja termasuk pihak berkepentingan. Penyalahgunaan dadah dan alkohol boleh membawa kesan buruk terhadap kesihatan, keselamatan diri dan menjejaskan reputasi Syarikat.

Mengambil kira kesan-kesan tersebut, semua pekerja adalah dilarang melakukan perkara-perkara berikut semasa berada di tempat kerja, premis, kenderaan dan program Syarikat:

1. Penyalahgunaan dadah terlarang, alkohol dan/atau yang berkaitan dengannya
2. Membeli dan/atau terbabit untuk membeli dadah terlarang, alkohol atau penyalahgunaan bahan yang serupa
3. Memiliki dadah terlarang dan/atau alkohol
4. Di dalam pengaruh dadah terlarang dan/atau alkohol
5. Mengambil, menjual, mengedar dan membekal dadah terlarang dan/atau alkohol

Pekerja-pekerja yang menjalani rawatan perubatan menggunakan dadah terkawal yang diketahui boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan mereka, hendaklah melaporkannya kepada penyelia masing-masing.

SMSB mengakui kewajipannya dan akan mengambil tindakan yang wajar untuk menangani penyalahgunaan dadah atau alkohol dan kesannya di tempat kerja.

Ketidapatuhan kepada Polisi ini adalah satu salahlaku yang serius. Tindakan tatatertib akan diambil oleh Syarikat termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan kontrak kerja.



TS. MAZLIAHIN MUSTAFFA
Ketua Pegawai Eksekutif
Sarawak Metro Sdn Bhd